



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

TEKUN *MOBILEPRENUER* BANTU GENERASI MUDA SARAWAK JANA PENDAPATAN

KUCHING, 29 OGOS 2020 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui TEKUN Nasional membuka peluang menjana pendapatan kepada golongan yang hilang pekerjaan akibat terkesan daripada wabak Covid-19 untuk menjadi Gig worker/rider bagi syarikat penghantaran makanan, barangan dan keperluan harian.

YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Tuanku Jaafar Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) berkata, “Program TEKUN Mobilepreneur telah diwujudkan pada awal April 2020 merupakan skim pembiayaan tanpa faedah kepada rider e-hailing dengan nilai pembiayaan maksimum sehingga RM10,000.00. Skim ini untuk rider e-hailing yang telah berdaftar dengan syarikat e-hailing yang bertujuan untuk membeli motorsikal, membaiki motorsikal & memasang aksesori tambahan”.

Bagi rider e-hailing yang menepati syarat-syarat pembiayaan boleh memohon skim ini. Sehingga kini, seramai 1,279 permohonan telah diluluskan di bawah Program TEKUN *Mobilepreneur* dengan nilai pembiayaan sebanyak RM10.16 juta. Manakala di Negeri Sarawak sahaja, TEKUN Nasional telah salurkan pembiayaan berjumlah RM1.07 juta kepada 115 orang rider.

Untuk maklumat lanjut produk pembiayaan yang ditawarkan oleh TEKUN Nasional, pemohon boleh layari www.tekun.gov.my. MEDAC berharap rakyat bijak merebut

peluang yang ditawarkan oleh Kerajaan selaras dengan usaha bagi melonjakkan perniagaan dan meransang ekonomi negara.

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI